# PENDEKATAN GEOGRAFI SEJARAH
# KAJIAN KES PORT DICKSON

ARKIB

rb
fAC895
M22N819

*OLEH:* RAJA NOOR ZAEDAH BINTI RAJA AHMAD
SIDANG AKADEMIK: 1981/1982
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

Kenangan MAS 78/79

Serta rakan seperjuangan

di kampus.

## Kandungan


| Perkara | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1. | Pendahuluan | 1 - 3 |
| 2. | Penghargaan | 4 - 5 |
| 3. | Abstrek dalam Bahasa Malaysia | 6 - 7 |
| 4. | Abstrek dalam Bahasa Inggeris | 8 - 9 |
| 5. | Lampiran | |
| | - graf A | 49b |
| | - graf B | 51b |
| | - jadual 1 (data penduduk) | 61 |
| 6. | Senarai peta | |
| | - peta 1 (lokasi bandar Port Dickson) | 12b |
| | - peta 2 (bandar Port Dickson) | 40b |
| | - peta 3 (pola penggunaan tanah) | 42b |
| Bab 1 | | 12 - 29 |
| 1. | Pengenalan | |
| 2. | Geografi sejarah - pendekatan geografi masa lampau | |
| 2.1 | Secara gambaran | |
| 2.2 | Penjelasan merujuk kepada masa atau tahap | |
| 3. | Rumusan | |
| Bab 2 | | 30 - 47 |
| 1. | Proses sejarah bandar Port Dickson | |
| 2. | Lokasi pelabuhan Dickson | |
| 3. | Pelabuhan pengangkutan keretapi | |
| 4. | Dermaga Syarikat Shell | |
| 5. | Latarbelakang Port Dickson | |
| a. | Keluasan daerah | |
| 6. | Jenis kegunaan tanah | |
| 7. | Penduduk | |
| a. | Taburan penduduk danpekerjaannya | |
| 8. | Rumusan | |

Bab 3 48 - 56

1. Perubahan struktur

a. Perubahan struktur perkhidmatan

2. Rumusan

Bab 4 57 - 60

1. Penutup

2. Pandangan am

3. Rumusan

Bibliografi 62

## 1. Pendahuluan.

Latihan Ilmiah merupakan sebuah kursus bercorak penyelidikan yang memerlukan kajian asli yang dijalankan oleh mahasiswa/i secara perseorangan.

Penyelidikan latihan ilmiah adalah penyelidikan persendirian dengan bimbingan penyelia seseorang penuntut. Penuntut bebas untuk memilih topik yang menarik minatnya, yang terangkum dalam bidang pengkhususannya. Penyelianya akan memberikan bimbingan yang sewajarnya sepanjang penyelidikan penuntut tersebut.

Asas falsafah latihan ilmiah ialah untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam dalam sesuatu bidang pengajian seseorang penuntut. Sebagai huraian, berikut ialah empat daripada objektif latihan ilmiah:

a. sebagai penyediaan sebuah kursus yang berbeza sifatnya dari kursus-kursus lain. Dalam kebanyakan kursus biasa, mahasiswa/i diperlukan menghadiri kuliah dan tutorial, membaca buku-buku yang disarankan oleh pensyarah, menyiapkan tugasan dan menduduki peperiksaan akhir. Peranan mahasiswa dan siswi dalam kursus-kursus tersebut adalah agak pasif. Kursus latihan ilmiah sebaliknya memberi lebih kebebasan kepada pelajar dari dikongkongi oleh pensyarah dan penuntut tidak terikat oleh keperluan menduduki peperiksaan akhir.

b. memberikan peluang kepada mahasiswa/i menggunakan teknik-teknik penyelidikan dengan cara ilmiah dan berkesan. Mahasiswa/i yang terlibat dalam penggunaan teknik-teknik terbut perlu menjalankan kajian luar, termasuk membuat lawatan ke arkib, jabatan-jabatan kerajaan dan perpustakaan serta mengadakan wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu. Di samping mendedahkan mahasiswa/i kepada masyarakat luar, kerja-kerja tersebut, kalau dilakukan dengan penuh minat dan mengikut kaedah-kaedah yang sepatutnya, akan melahirkan siswazah

yang mahir dalam jurusan penyelidikan dan oleh itu layak menjadi penyelidik kepada badan-badan penyelidikan atau melanjutkan pelajaran keperingkat ijazah tinggi.

c. menyungkil kebolehan mahasiswa/i menyampaikan buah fikirannya dengan jelas, padat dan secara teratur. Walaupun latihan dalam hal ini diberikan dalam kursus-kursus biasa, namun keperluannya ketika membuat latihan ilmiah adalah lebih hebat memandangkan bahawa mahasiswa/i telah mengumpulkan lebih banyak data mentah untuk diproses dan dipersembahkan dalam satu bentuk laporan penyelidikan. Semasa menyusunkan data mentah ini, mahasiswa/i juga diperlukan menguji kebenaran hipotisis-hipotisisnya dan teori-teori yang dikemukakan oleh pakar-pakar dalam bidangnya. Akhirnya, ciri-ciri yang biasanya dilengkapkan dalam sesuatu penulisan ilmiah seperti rajah, peta dan lampiran harus dibuat dengan cara yang betul.

d. menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang yang diajar. Memandangkan latihan ilmiah melibatkan kajian asli, dengan penyungkilan pelbagai bahan baru, maka adalah diharapkan bahawa ia dapat memajukan pengetahuan dalam semua jurusan yang ditawarkan ataupun bidang yang diselidik.

Sebagai seorang mahasiswi yang mengkhusus dalam pengajian geografi maka latihan ilmiah yang dijalankan oleh saya ialah peninjauan mengenai isu-isu alam nyata dan atau juga mengenai proses-proses dan atau pemikiran dalam geografi. Selain dari itu penulisan ini akan mengecam ciri-ciri utama sesuatu bidang masalah, membincangkan hasil-hasil yang dicapai dan kelemahan-kelemahan yang bersangkutan dengannya dan membuat saranan mengenai aspek-aspek yang mungkin dapat diselidikkan lagi secara mendalam dimasa-masa akan datang.

Dalam pengajian geografi, bidang-bidang penyelidikan terbahagi kepada tiga, iaitu bidang Geografi Fizikal, bidang Geografi Manusia dan bidang yang merangkumi Geografi Fizikal

dan Geografi Manusia (teoretis dan falsafah).

Maka dalam menyediakan laporan penyelidikan ini saya mestilah menyentuh beberapa aspek-aspek tertentu iaitu objektifnya, kajian bahan-bahan bacaan, pembentukan hipotisis, metodologi, ujian hipotisis dan kajian kes.

Walaupun bidang penyelidikan yang dijalankan oleh saya ini merupakan satu bidang yang baru bagi diri saya sendiri, tetapi saya cuba melaksanakannya sebaik-baik yang boleh dengan bimbingan dan nasihat pensyarah-pensyarah geografi yang bertindak sebagai penyelia penyelidikan yang dijalankan oleh saya. Maka dalam bab-bab berikut saya menyampaikan penyelidikan pendekatan geografi sejarah ( historical geography approach ) dengan kajian kes bandar Port Dickson.

2. Penghargaan.

Bismillahirrahmanirahim. Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Beserta dengan limpah kurnia dan rahmat Allah, maka saya telah berupaya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini akhirnya. Ia merupakan suatu kursus yang cuba mendedahkan mahasiswa/i kepada realiti dan mempraktiskan konsep-konsep yang telah dipelajari dalam tempoh pengajian di universiti berlandaskan pengkhususan masing-masing. Diatas sumbangan dan bantuan yang diberikan dalam menyudahkan penulisan ini, ingin saya ucapkan setinggi terima kasih dan rasa penghargaan kepada:

1. Ayah dan ibu saya, Raja Ahmad bin Raja Ngah dan Tengku Mahani binti Tengku Kassim, serta adik-adik diatas doa restu mereka untuk kejayaan saya;

2. Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM), Yang Berhormat Datuk Haji Shanon Ahmad, dan Pengerusi Jabatan Geografi USM, Encik Wan Azmi Ariffin diatas kerjasama yang mereka beri dalam perlaksanaan dan penyelarasan kursus latihan ilmiah ini;

3. Pensyarah-pensyarah Geografi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM, terutama Professor Mohd. Aminul Islam dan Encik Razali Ibrahim diatas kerjasama, nasihat dan penyeliaan mereka dalam kursus ini;

4. Pegawai Daerah Port Dickson, Encik Ahmad Bakir dan kakitangan pejabat daerah Port Dickson diatas maklumat-maklumat mengenai pembangunan bandar berkenaan;

5. Pegawai Luar Jabatan Penerangan Port Dickson, Encik Yang Tek Yeh, diatas pertolongannya berhubung dengan peta-peta daerah Port Dickson;

6. Kakitangan-kakitangan Yunit Perancangan Negeri, Negeri Sembilan, khasnya Penolong Pengarah Yunit Perancangan Negeri, Puan Maimon Shamsudin mengenai perlaksanaan projek-projek

di Port Dickson;

7. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Port Dickson, berhubung dengan sejarah awal bandar Port Dickson;

8. Kakitangan-kakitangan Jabatan Perangkaan Malaysia, mengenai bahan-bahan banci penduduk bandar Port Dickson;

9. Kakitangan-kakitangan Jabatan Keretapi Tanah Melayu, mengenai perkhidmatan keretapi di Port Dickson;

10. Cik Zawiaton Zainal Ariffin, berhubung dengan bahan-bahan rujukan dari perpustakaan Universiti Malaya;

11. Cik Nor'aini Mohd. Yusof, yang membantu dalam penyusunan data-data;

12. Puan Noor Azam Haji Ahmad, mengenai penyemakan bahasa dan bahan-bahan penulisan, serta

13. orang perseorangan dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini, yang nama mereka tidak diketahui serta tidak disebut.

Adalah menjadi harapan saya agar penulisan mengenai pendekatan geografi sejarah dalam kajian perkembangan bandar Port Dickson akan diteruskan usaha dalam bidang ini oleh mahasiswa/i lain demi perkembangan pengetahuan geografi dalam konteks Malaysia diperingkat tinggi.

Wabilla hitaufik walhidayah wassalam mualaikum.

daripada,
Raja Noor Zaedah Raja Ahmad.

Abstrek dalam Bahasa Malaysia.

Untuk menganalisa akan pertumbuhan dan evolusi sebuah bandar, dalam kajian kes kita bandar Port Dickson, pendekatan yang diguna ialah geografi sejarah. Pendekatan ini cuba mengesan akan proses dan tahap-tahap evolusi tersebut.

Dalam penyelidikan kita mengenai bandar Port Dickson, objektif utama kita ialah untuk membenarkan yang lokasi adalah penting untuk pertumbuhan bandar. Objektif utama ini adalah juga merupakan hipotisis kita. Melalui data yang dikumpul dan menganalisanya dengan teliti, barulah kita boleh membuat rumusan yang lokasi itu memainkan peranan penting dalam pertumbuhan bandar Port Dickson. Pertumbuhan ini juga mempunyai kesa merebak, kerana kita dapat lihat bahawa Port Dickson yang bermula dari sebuah bandar pelabuhan telah berkembang dan membangun kawasan sekelilingnya. Maka kita dapat katakan yang pendekatan geografi sejarah membolehkan kita untuk mengetahui mengenai masa lampau, melangkah masuk tempoh masa sekarang dan merancang untuk masa kehadapan. Ini adalah kerana kesilapan-kesilapan yang telah diatasi melalui proses pertumbuhan tidak akan diulang semula, kerana kini kita mempunyai garis panduan untuk pertumbuhan bandar-bandar baru.

Akan pendekatan geografi sejarah ini juga akan mengkaji secara mendalam mengenai bidang politik, ekonomi dan sosial dalam kajian pertumbuhan bandar itu. Walaupun kita telah memberi gambaran mengenai evolusi sejarah dan pertumbuhan Port Dickson, tetapi yang penting ialah perubahan struktur bandar Port Dickson; perubahan struktur perkhidmatan keretapi dari tahun 1911 - 1980, perubahan struktur penduduk 1901 - 1980, dan Rancangan Malaysia Kedua (1970 - 1975) dan Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980) mengenai infrastruktur dan projek perumahan. Perubahan struktur ini menjadi petunjuk kepada pembangunan Port Dickson dan tahap-tahap perubahan struktur ini

adalah berurutan.

Disamping objektif utama kita juga mempunyai objektif sampingan, seperti sebab-sebab implisit kepada kelembabpan pembangunan Port Dickson dapat dikaji melalui pendekatan geografi sejarah ini. Kita juga dapat mengetahui akan peranan yang dimainkan oleh kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan Port Dickson, kerana pelabuhan Dickson tidak dapat berkembang kerana persaingan daripada pelabuhan Swettenham.

Isu utama dalam pendekatan geografi sejarah ini bukanlah kepada tarikh. Apa yang kita pentingkan ialah urutan evolusi pertumbuhan dan perkembangan bandar Port Dickson. Masalah yang dihadapi dalam mengendalikan pendekatan ini ialah dari segei mengumpul data-data kerana setengah daripada data itu tidak disimpan dan terpaksa dirujuk dari buku sejarah yang ditulis secara sekali lalu sahaja dan tidak khas mengenai Port Dickson.

Walaupun terdapat rintangan dalam kajian kes ini tetapi mejadi harapan saya yang bidang ini akan diterokai oleh penuntut geografi yang lain ketika membuat penyelidikan mereka. Hanya melalui pengalaman akan seseorang itu memperolehi kemahiran.

Abstrek dalam Bahasa Inggeris.

To analyse the growth and evolution of a town, in our case is Port Dickson, a method use is the historical geography approach. The approach will try to trace the proses and stages of evolution.

In our case study about Port Dickson, the main objective is to acknowledge that location is an important factor in the growth of a town. The main objective is also the hypotheses. Through the data collected and analysing it in detail then only could we come to the conclusion that location do play an important role in the growth of Port Dickson. The growth too has a spread effect on the suroundings, as we can see that the origin of Port Dickson town is from a port which grew and developed its neighbouring areas. Thus, what we can say is that the historical geography enables us to run through the past, into the present and plans for the future. This is so because the mistakes that had been overcome through the proses of growth will not be repeated again, since there is a guideline for the growth of new towns.

The historical geography will go in depth into the political, economic and sosial area in the study of the growth of a town. Though we do give a picture on the historical evolution and growth of Port Dickson, but the most important part is the analysing of the structural change of Port Dickson, that is the structural change of the train services from 1911 to 1980, the population structural change from 1901 - 1980 and also the 2nd Malaysian Plan (1970 - 1975) and 3rd Malaysian Plan (1976 - 1980). This structural change indicates that Port Dickson do grow and the various stages of the structural change are in sequence.

Besides the main objective, we do have the sub-objective such as, the implicit reasons for the slow growth of Port Dick-

son town. Also we come to know of the role played by the goverment to maintain the growth of Port Dickson, since the port could expand itself due to tough competition from Port Swettenham.

The main issue in the historical geography approach is not the dates. What we are interested is in the sequential evolution and growth of Port Dickson. The problem faced by this approach is to gather the datas since some of it is not being recorded and need to be refered from books; the books refered are historical books written broadly about the subject and not specifically on the growth of Port Dickson town.

Though there are setbacks in the case study but it is my hope this field will be carried by other geography students doing their case study. Only through experience can one gain perfection.